


Jawatankuasa Kelayakan Perubatan (JKP)/ *Medical Qualifying Committee (MQC)*

Terma rujukan dan fungsi Jawatankuasa Kelayakan Perubatan (JKP)/ *Medical Qualifying Committee (MQC)*.



Berikut merupakan kriteria rujukan PPS yang memiliki isu berkaitan latihan atau permohonan pendaftaran penuh bagi penilaian JKP/MQC:

1. ISU-ISU LATIHAN SISWAZAH

Gagal Penilaian Terakhir Kali Kedua

- PPS yang gagal penilaian terakhir kali pertama sewaktu menjalani *obligatory posting* perlu ditukar ke hospital/institusi lain terlebih dahulu bagi menjalani penilaian kali kedua. PPS perlu dirujuk ke JKP/MQC sekiranya gagal penilaian terakhir pada kali kedua.
- PPS perlu menjalani penilaian kesihatan mental dan laporan tersebut perlu dikemukakan kepada MPM untuk penilaian dari aspek kesihatan bagi rujukan tersebut.
- PPS yang diputuskan tidak kompeten dan ditamatkan perkhidmatan oleh JKP/MQC akan dibatalkan Pendaftaran Sementara oleh MPM.

Mengambil kira posting terdahulu

- **Lembaga Kelayakan Perubatan (LKP) Bil.3/2013** telah memutuskan bahawa sekiranya PPS terputus latihan melebihi 4 bulan secara berterusan, maka PPS tersebut perlulah memulakan semula latihan siswazah dari awal dengan mana-mana posting sebagai posting pertama.
- PPS yang terputus latihan melebihi tempoh 4 bulan ekoran masalah kesihatan haruslah menjalani penilaian perubatan MPM terlebih dahulu atau menyerahkan laporan penilaian Lembaga Perubatan sebelum permohonan beliau dirujuk ke JKP/MQC.

2. KELULUSAN PENDAFTARAN PENUH

Seksyen 14, Akta Perubatan 1971

- Permohonan Pendaftaran Penuh yang dikemukakan oleh PPS haruslah memenuhi keperluan latihan siswazah yang telah dinyatakan dalam Pekeliling KPK Bil 11/2007 iaitu selama 2 tahun dimana 4 bulan latihan wajib dijalankan dalam setiap posting berikut sebelum layak memohon Pendaftaran Penuh iaitu Perubatan Am, Pediatrik, Pembedahan Am, Ortopedik, Obstetrik & Ginekologi.
- Sebarang permohonan berhubung permohonan Pendaftaran Penuh, perlu mendapatkan pertimbangan dan penelitian daripada JKP/MQC terlebih dahulu bagi memastikan sama ada ia memenuhi keperluan pengalaman yang dinyatakan di dalam **Seksyen 13(2)** Akta Perubatan.

*Pengecualian boleh diberikan mengikut kepada pertimbangan kes.

Sekretariat MPM

Diperakukan di dalam Mesyuarat MPM 406 pada 25 Mei 2021